

BAB LIMA

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Kajian merumuskan bahawa undang-undang jenayah Islam di Malaysia berkembang dengan sistematik tetapi dalam bidang kuasa yang sempit dan terbatas kesan pengaruh Inggeris. Undang-undang jenayah Islam pernah diiktiraf dan dilaksana sebagai sebahagian daripada undang-undang asas negara. Namun ia melalui proses perkembangan yang tidak mengikut kronologi sejarah. Perkembangannya telah mengalami perubahan demi perubahan dari zaman ke zaman sehingga akhirnya telah disingkirkan dari persada sistem perundangan negara akibat campur tangan kuasa Inggeris di Tanah Melayu. Justeru kajian ini telah membuktikan bahawa kuasa Inggeris telah menjadi punca kepada perkembangan undang-undang jenayah Islam yang terbatas pada masa kini.

Pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia bermula dari zaman permulaan kedatangan Islam di Melaka pada abad ke 14 M dan bertapak kukuh ke seluruh negeri-negeri Melayu pada abad ke 16 M. Ini dibuktikan melalui penggubalan undang-undang bertulis yang memperuntukkan hukuman hudud, qisas, diyat dan takzir. Antaranya Undang-undang Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang 99 Perak, Majallah Ahkam Johor dan banyak lagi. Walaupun teks-teks perundangan tersebut banyak dipengaruhi oleh hukum adat masyarakat tempatan, tetapi para sejarahwan

menegaskan undang-undang tersebut dominan dan dipengaruhi oleh unsur-unsur perundangan Islam yang berasaskan prinsip-prinsip perundangan mazhab Syāfi'i.

Kegemilangan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam tersebut telah mengalami perubahan yang agak drastik berikutan penjajahan Inggeris di Tanah Melayu. Sesungguhnya, benarlah bahawa kedatangan Inggeris telah memberi impak yang sangat besar dalam sistem perundangan negara khususnya dalam aspek pelaksanaan undang-undang jenayah Islam. Pada zaman penjajahan ini, skop dan bidang kuasa undang-undang Islam telah dibataskan pemakaianya hanya kepada orang Islam dan dalam bidang undang-undang diri sahaja. Maksudnya, undang-undang Islam bukan lagi berada dalam bentuknya yang asal tetapi telah bertukar menjadi undang-undang Inggeris bagi hal ehwal diri orang-orang Islam.

Dalam usaha merealisasikan penguasaan mereka dalam aspek perundangan, Inggeris telah menggubal undang-undang jenayah Islam mengikut acuan mereka sendiri bagi dikuatkuaskan kepada orang-orang Islam di negeri-negeri Melayu. Malangnya undang-undang tersebut sangat terbatas peruntukannya iaitu berkaitan kesalahan orang Islam dalam aspek kerohanian dan keagamaan sahaja. Antara undang-undang yang paling awal digubal ialah *Adultery by Muhammadan Perak 1894*, *The Prevention of Adultery Registration Selangor 1894*, *The Notice of Muhammadans: Prohibition of Intoxicating Liquor and Rules of Fasting 1915* dan *The Offences by Muhammadan Enactment 1919* di Johor. Undang-undang tersebut terus terpakai sehingga kala Inggeris

menggubal Kanun Keseksaan yang merujuk kepada undang-undang jenayah Inggeris yang digubal dan dilaksanakan di India.

Seterusnya, kesan campurtangan Inggeris masih ada walaupun negara telah mencapai kemerdekaan. Pada peringkat pra kemerdekaan iaitu awal tahun 50-an, semua bidang kuasa undang-undang Islam setakat yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan telah disatukan dalam satu undang-undang pentadbiran agama Islam yang induk. Ini termasuklah bidang kuasa jenayah. Tujuannya adalah untuk menyelaraskan semua bidang kuasa undang-undang Islam yang telah dikurniakan oleh Perlembagaan. Dengan itu, ia turut memansuhkan semua undang-undang Inggeris berkaitan kesalahan orang Islam yang digubal terdahulu dan dimasukkan ke dalam peruntukan EPAI bagi setiap negeri. Hasilnya, peruntukan kesalahan yang dibenarkan sangat terbatas hanya berkaitan salahlaku orang Islam berhubung aspek kerohanian dan kesalahan seksual sahaja. Secara khususnya, bentuk-bentuk kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran tersebut adalah kesalahan matrimoni, maruah diri, amalan agama dan kesucian institusinya, akidah dan keimanan dan kesejahteraan dan ketenteraman awam.

Peruntukan hukuman dalam enakmen induk tersebut juga sangat ringan dan jauh dari menepati hukuman sebenar dalam Islam. Ini kerana, enakmen ini masih terikat dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang asal yang memperuntukkan hukuman setakat enam bulan penjara dan denda RM1,000 sahaja. Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa hukuman yang diperuntukkan dalam

enakmen tersebut adalah dalam lingkungan hukuman paling minimum denda RM25.00 dan penjara 15 hari dan hukuman maksimum denda RM1,000.00 atau penjara enam bulan.

Seterusnya perubahan berlaku lagi dalam perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Pada pertengahan tahun 80-an, perubahan telah dibuat terhadap enakmen pentadbiran ini dengan mengasingkan undang-undang keluarga, undang-undang acara mal dan jenayah dan undang-undang jenayah Islam dalam enakmen yang tersendiri. Hasilnya, EKJS telah digubal berasingan dari enakmen induk di semua negeri di Malaysia kecuali Pahang yang masih mengekalkan peruntukan kesalahan jenayah dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Tujuan pengasingan ini adalah untuk mengemaskini pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di negeri-negeri serta memaksimumkan peruntukan yang sedia diberikan oleh Persekutuan kepada kerajaan negeri selaras dengan pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984. Perbezaan yang paling jelas dengan peruntukan yang terdahulu adalah enakmen baru ini telah mengasingkan kesalahan matrimoni ke dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di samping menambahkan peruntukan kesalahan dan hukuman selaras dengan pindaan undang-undang tersebut.

Kajian juga menunjukkan bahawa jenis-jenis kesalahan jenayah syariah dalam EKJS yang terkini memperuntukkan lima kategori kesalahan iaitu kesalahan akidah dan pentafsiran hukum, kesalahan akhlak, kesusilaan dan adab-adab syarak, kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan institusinya, kesalahan berkaitan pentadbiran hal

ehwal agama Islam dan kesalahan berkaitan ketenteraman dan kesejahteraan orang lain. Sementara bentuk kesalahan yang menjadi keutamaan dalam semua enakmen negeri dari segi kategori kesalahan dan hukuman maksimum adalah kesalahan berbentuk akhlak dan kesusilaan. Namun, kandungan enakmen adalah tidak seragam khususnya dalam peruntukan hukuman kecuali bagi Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Johor.

Selain itu, peruntukan hukumannya sangat terhad. Berdasarkan kajian, penulis mengenalpasti bahawa peruntukan hukuman itu adalah berdasarkan kombinasi hukuman minimum iaitu denda tidak lebih lima ratus ringgit atau penjara tidak lebih tiga bulan dan denda tidak lebih seribu ringgit atau penjara sama ada enam bulan atau satu tahun. Hukuman sederhana iaitu denda tidak lebih dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih satu tahun atau denda tidak lebih tiga ribu ringgit atau penjara tidak lebih dua tahun dan hukuman maksimum iaitu denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun dan denda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau enam kali sebatan. Namun, peruntukan sebat tidak pernah dilaksanakan kecuali di Kelantan dan hukuman penjara masih jarang dikuatkuasakan oleh Mahkamah Syariah di Malaysia.

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam EKJS ini boleh dikategorikan sebagai kesalahan takzir. Pandangan ini merujuk kepada konsep hukuman denda, penjara dan sebat yang diperuntukkan bagi kesalahan-kesalahan maksiat, akidah, akhlak dan pentadbiran agama yang tidak terkeluar daripada jenis hukuman takzir dalam Islam. Ini juga mengambil kira pandangan Muṣṭafā al-Zarqā' bahawa dalam keadaan tertentu,

sesuatu hukum yang terkandung di bawah hudud boleh ditangguh perlaksanaannya buat seketika sehingga keadaan dan masa yang sesuai untuk menguatkuasakannya. Oleh itu hukuman hudud boleh diganti dengan takzir untuk seketika sehingga keadaan masa sesuai untuk melaksanakannya semula. Teori ini boleh digunakan di Malaysia dalam keadaan badan perundangan negeri masih belum mampu mengatasi undang-undang persekutuan.

Seterusnya, pada tahun 1993, kerajaan negeri Kelantan telah menggubal dan meluluskan Kanun Jenayah Syariah (II) diikuti oleh Terengganu yang menggubal Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) pada tahun 2002. KJS (II) dianggap sebagai modul undang-undang jenayah Islam yang lengkap pernah digubal setakat ini dalam sejarah perundangan negara ini. Namun, undang-undang ini gagal dilaksanakan sehingga kini kerana ia dianggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan melampaui peruntukan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) Pindaan 1984. Selain itu, undang-undang ini juga dianggap tidak disesuaikan dengan fiqh kontemporari khususnya dalam aspek pembuktian dan keterangan.

Sepanjang perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia yang melalui empat peringkat zaman, hasil kajian menunjukkan tidak wujud keseragaman dalam metodologi penggubalannya. Pada zaman Kesultanan Melayu, metode penggubalannya adalah berasaskan prinsip *taqlid* kepada kitab-kitab fiqh klasik karangan mazhab Syāfi'i¹. Sementara pada zaman Inggeris ia telah diskopkan kepada pembahagian bidang tertentu yang hanya meliputi aspek kesalahan kerohanian dan

seksual sahaja. Seterusnya pada zaman selepas kemerdekaan, kuasa penggubalan undang-undang oleh badan perundangan adalah berdasarkan prinsip *siyāsah syar'iyyah* dalam melaksanakan jenayah takzir. Manakala metode yang dikenalpasti adalah penggunaan prinsip *istiṣḥāb* dalam penggubalan EKJS iaitu kecenderungan menerima pakai dan membuat pengubahsuaian terhadap peruntukan dalam Kanun Kesejahteraan khususnya aspek percubaan dan penyubatan selagimana penggunaannya tidak bercanggah dengan syarak. Faktor wujudnya ketidakseragaman itu sebenarnya berpunca dari perkembangan zaman yang berlaku dan situasi setempat yang mempengaruhi badan perundangan untuk menggubal dan melaksanakan undang-undang.

Kajian membuktikan bahawa undang-undang jenayah Islam melalui peruntukan dalam EKJS negeri-negeri di Malaysia yang digunakan pada masa kini adalah selaras dengan syarak dalam konsep takzir. Ia terbukti melalui penggunaan metodologi penggubalan undang-undangnya yang diiktiraf oleh syarak seperti pendekatan *siyāsah syar'iyyah* dan kaedah *istiṣḥāb* serta penggunaan hukum syarak sebagai asas rujukan utama. Justeru, ternyata walaupun masih tidak terkeluar daripada batasan bidang kuasa yang sempit kesan penjajahan Inggeris, usaha penggubalan undang-undang jenayah Islam melalui penggunaan metodologi tersebut telah membuktikan undang-undang tersebut mempunyai kesahan dari segi syarak. Oleh itu, penulis merumuskan undang-undang jenayah Islam di Malaysia sebenarnya telah berkembang dengan begitu baik dan sistematis mengikut prinsip syarak pada masa kini walaupun sedikit tercemar pada zaman penjajahan Inggeris.

5.2 Saranan

Bagi menjamin kelangsungan undang-undang jenayah Islam di Malaysia, masa depan undang-undang tersebut perlu dipertahankan. Sewajarnya perancangan dan tindakan perlu diusahakan secara sistematis bagi merealisasikan harapan tersebut. Justeru, perancangan jangka pendek (*short-term planning*) dan perancangan jangka panjang (*long-term planning*) perlu dirangka dan dilaksana bagi mengembalikan semula kegemilangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia dalam situasi sekarang. Sesungguhnya, tidak dinafikan ia memerlukan kepada perancangan yang tersusun dan teratur serta usaha bersama dan berterusan antara ulama dan *umara'* serta tiga institusi penting negara yang mendokong struktur pentadbiran, perundangan dan keadilan negara iaitu *legislative*, *executive* dan *judiciary*. Mengambil pandangan Prof. Mahmood Zuhdi bahawa dalam mengislamkan seluruh sistem undang-undang yang ada di Malaysia sekarang ini “jangka masa yang agak lama bukan menjadi persoalan, asalkan saja segala kerja-kerja yang terancang berjalan terus”¹.

Oleh itu, dalam bahagian akhir ini, penulis akan mengemukakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang perlu dilaksana dengan sistematis dalam situasi perkembangan undang-undang jenayah Islam di Malaysia masa kini serta menjelaskan perancangan yang sedang dilaksana oleh pihak berwajib bagi meraikan undang-undang yang sedia ada ini. Namun, kajian ini tidak sampai kepada peringkat menyediakan satu

¹ Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1999), “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun”, dalam Abdul Karim Ali *et.al* (ed), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 9.

model komprehensif kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia pada masa depan bagi menggantikan undang-undang yang sedia ada sekarang.

5.2.1 Perancangan Jangka Pendek

Perancangan jangka pendek bermaksud segala usaha dan tindakan yang boleh dan sedang dilaksana secara sistematik dan berkesan oleh pihak berkaitan tanpa perlu membuat perubahan atau pindaan terhadap undang-undang yang sedia ada.

- i) Melaksana undang-undang sedia ada

Menurut Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes jenayah terhad kepada kesalahan-kesalahan takzir sahaja. Oleh itu, apa yang sewajarnya dilakukan pada masa ini ialah kerajaan negeri melalui institusi pentadbiran agama Islam negeri perlu melaksanakan semua kuasa dan bidang kuasa undang-undang jenayah Islam yang ada dan dalam masa yang sama meningkatkan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi menjamin keadilan dalam hukum Islam dapat ditegakkan. Kita tidak boleh menunggu sehingga pindaan Perlembagaan dibuat barulah mahu melaksanakan undang-undang Islam. Sebaliknya, pelaksanaannya perlu dilakukan sedikit demi sedikit dan secara berhikmah sesuai dengan keadaan dan realiti negara ini.

Selain itu, para hakim syarie juga berperanan mensabitkan hukuman maksimum yang diperuntukkan dalam EKJS supaya matlamat hukuman dalam Islam dapat tercapai.

Penguatkuasaan kaedah sebatan juga perlu disegerakan. Dengan kata lain, perlu ada keseimbangan antara pihak penguatkuasa dan pihak keadilan dalam melaksanakan undang-undang Islam dalam acuan yang telah disediakan oleh Perlembagaan. Tujuannya adalah untuk mengembalikan semula keyakinan masyarakat sama ada orang Islam atau bukan Islam bahawa undang-undang Islam boleh ditadbirkan dengan baik dan boleh memberikan keadilan yang tidak kurang mutunya daripada apa yang boleh diberikan oleh mahkamah-mahkamah awam di Malaysia².

ii) Penyeragaman undang-undang jenayah syariah

Penyeragaman dan penyatuan peruntukan undang-undang kesalahan jenayah syariah di bawah satu peruntukan yang seragam dan selaras adalah sangat perlu bagi mengatasi masalah-masalah seperti sistem pelaksanaan undang-undang Mahkamah Syariah dan jenayah syariah yang dijalankan oleh negeri-negeri mengikut set masing-masing sehingga mewujudkan ketidakselarasan dari segi peruntukan dan pensabitan hukuman³. Dengan keseragaman peruntukan jenayah syariah antara negeri ini, ia akan meminimumkan perbezaan yang wujud dalam EKJS setiap negeri khususnya dari segi peruntukan kesalahan dan hukuman.

Usaha ini sebenarnya sedang dilaksana oleh pihak berwajib melalui penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah pada tahun 1989 yang

² Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (1994), "Undang-undang Islam di Malaysia: Prospek dan Cabaran" (*Kertas Kerja Bengkel Profesional Guaman dan Kehakiman Syariah di Malaysia* di Universiti Malaya, 23 September 1994), h. 6.

³ Pegawai Agama Kurang Latihan, *Mingguan Malaysia*, 2 Julai, 2000.

bertujuan mengkaji semula undang-undang yang sedia ada terpakai di Mahkamah Syariah dan menyediakan draf undang-undang yang lebih lengkap termasuklah dalam aspek undang-undang jenayah Islam. Penubuhan jawatankuasa tersebut adalah suatu langkah yang baik dalam usaha untuk mengkaji dan meneliti serta mewujudkan undang-undang yang seragam untuk dipakai oleh Mahkamah Syariah di seluruh negara bagi menghapuskan kesangsian sesetengah pihak mengenai pentadbiran keadilan di Mahkamah Syariah di negara ini.⁴

Jawatankuasa tersebut telah mencadangkan penggubalan EKJS di setiap negeri. Namun, buat masa ini hanya beberapa negeri sahaja yang menerima pakai Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah yang digubal oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Negeri-negeri tersebut ialah Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang dan Selangor⁵. Keempat-empat negeri ini mempunyai struktur undang-undang jenayah syariah yang sama dan seragam dari segi bentuk kesalahan dan hukumannya. Ia membahagikan kesalahan-kesalahan yang boleh didakwa di Mahkamah-mahkamah Syariah kepada beberapa bahagian iaitu kesalahan berhubung dengan akidah, kesalahan berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya, kesalahan berhubung dengan kesusilaan dan kesalahan pelbagai⁶. Sementara negeri-negeri lain masih mengekalkan peruntukan dalam EKJS yang telah digubal sebelum penubuhan Jawatankuasa tersebut. Oleh itu,

⁴ Abdul Monir Yaacob, "Pengkunan Undang-undang Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Pelaksanaan Hukum Syarak di Malaysia di Pulau Pinang, 9-10 Februari 2001, h. 21-22.

⁵ *Ibid*.

⁶ Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, No. 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Bil. 3 1996 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor No. 4 1997.

penulis berpandangan adalah wajar negeri-negeri tersebut membuat pindaan terhadap EKJS masing-masing supaya selaras dan seragam dengan empat negeri tersebut.

iii) Mengemaskini penguatkuasaan undang-undang

Bagi memastikan peruntukan undang-undang jenayah syariah dapat dilaksana dengan baik dan berkesan supaya peruntukan tersebut tidak hanya tinggal peruntukan di atas kertas sahaja, JAKIM melalui Bahagian Undang-undangnya telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-undang Islam Seluruh Malaysia yang dianggotai oleh semua Ketua Pendakwa Syarie dan Ketua Penguatkuasa Agama negeri-negeri. Tujuannya adalah untuk mewujudkan penyelarasan penguatkuasaan di samping mencari jalan penyelesaian ke arah memantapkan bahagian penguatkuasaan negeri-negeri. Antara produk utama yang dihasilkan oleh Jawatankuasa ini ialah Polisi Pendakwaan Kes-kes Jenayah Syariah Seluruh Negara untuk semua bahagian Penguatkuasa Agama dan Pegawai Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Namun, buat masa ini hanya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah yang telah mengambil langkah susulan menerima pakai polisi ini secara formal dalam penguatkuasaan jenayah syariah di negeri tersebut. Manakala, negeri-negeri lain masih belum memberi maklum balas mengenai polisi ini⁷.

⁷ Munir b. Hj. Mohd Salleh (2000), "Undang-undang Jenayah Syariah Negeri-negeri" (Kertas Kerja Bengkel Pemahaman Undang-undang Hal Ehwal Islam Negeri-negeri Siri II di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), 17 Oktober 2000), h. 5

Selain itu, bagi memastikan tidak wujud sebarang masalah dari segi penguatkuasaan undang-undang terhadap peruntukan yang telah sedia ada dalam EKJS, kepakaran pegawai-pegawai penguatkuasa agama juga perlu diberi penekanan bukan sahaja dari segi teori dan amali tetapi juga kefahaman dari segi pentafsiran undang-undang. Penulis menyarankan langkah-langkah bagi meningkatkan profesionalisme pegawai-pegawai penguatkuasa adalah perlu bagi mengelakkkan tragedi hitam 11 Jun 2000 yang dialami oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam berulang kepada bahagian penguatkuasaan negeri-negeri lain sehingga mengakibatkan peruntukan yang ada dalam EKJS tidak dapat dilaksanakan. Dalam operasi oleh Bahagian tersebut, pegawai penguatkuasa JAIS telah menangkap 31 orang mengikut seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, tetapi penahanan tersebut dibatalkan atas alasan wujud kekhilafan dalam mentafsir undang-undang.

5.2.2 Perancangan Jangka Panjang

Bagi mengembalikan semula kedudukan undang-undang Islam khususnya undang-undang jenayah ke tempatnya yang asal, perancangan tidak boleh terhenti setakat usaha dan tindakan jangka pendek, malah ia perlu diteruskan supaya ada kesinambungan dengan segala usaha yang telah dilaksana sebelum ini. Sehingga akhirnya, kita dapat mengislamisasikan keseluruhan sistem undang-undang yang ada di negara ini.

Mengislamkan seluruh sistem undang-undang yang ada atau reformasi undang-undang Islam di Malaysia bukanlah suatu usaha yang mudah sebenarnya. Ia memerlukan tindakan dan perancangan yang teliti. Ianya tidak boleh dibuat dalam sekelip mata sahaja. Sedangkan Inggeris pun mengambil masa yang lama untuk menyingkirkan undang-undang Islam dari zaman kegemilangannya, apatah lagi kita untuk mengembalikannya semula ke kedudukannya yang asal dalam struktur undang-undang yang sudah begitu terkesan dengan pengaruh Inggeris. Namun masa bukanlah persoalan yang utama, sebaliknya masa yang panjang itu perlulah diisi dengan tindakan yang terancang dan berterusan.

Justeru, bagi merealisasikan harapan tersebut dan mewujudkan kesinambungan dengan perancangan jangka masa pendek yang telah terlaksana, maka pihak badan perundangan perlu membuat perubahan dan pindaan dalam undang-undang pindaan terhadap undang-undang Persekutuan. Pindaan undang-undang perlu disegerakan terhadap peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, antaranya Perkara 3(1), Perkara 4(1), Perkara 74, Perkara 75 dan Jadual Sembilan Senarai 2 Senarai Negeri. Begitu juga dengan pemasnsuhan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984 bagi membolehkan hukuman dalam undang-undang jenayah Islam dapat dilaksanakan di Malaysia. Jika tidak pun memperuntukkan hukuman hudud, qisas buat masa ini, sekurang-kurangnya adalah menambahkan peruntukan hukuman sedia ada yang telah terlaksana tanpa sebarang penambahan sejak hampir 20 tahun pindaan Akta tersebut.

Saranan Prof. Ahmad Ibrahim juga perlu diambil kira, iaitu dalam pengkanungan semula undang-undang jenayah Islam di Malaysia, kita tidak perlu membuang keseluruhan peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang sivil seperti peruntukan dalam Kanun Keseksaan, sebaliknya penerimaan terhadap undang-undang tersebut perlu dibuat selagi ia tidak bertentangan dengan Syarak⁸.

Penulis suka merujuk kepada pelaksanaan undang-undang Islam di Pakistan. Negara tersebut telah mula melaksanakan undang-undang jenayah Islam sejak tahun 1979⁹. Antara undang-undang bertulis yang telah digubal dan dilaksana ialah The Pakistan Penal Code (Act XLV of 1860) dan The Code of Criminal Procedure 1898 (Act V of 1898). Beberapa pindaan telah dibuat terhadap kod undang-undang tersebut sehingga pindaannya yang ketiga iaitu Criminal Law (Third Amendment) Ordinance, 1993 yang diluluskan dan diisytiharkan sebagai “*an ordinance further to amend The Pakistan Penal Code and The Code of Criminal Procedure, 1898*” dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber perundangannya¹⁰. .

Namun, kejayaan Pakistan melaksanakan undang-undang jenayah Islam itu bukanlah dengan cara yang mudah dan masa yang singkat. Ia mengambil masa yang lama dan perancangan yang teliti sebelum berjaya mengislamkan keseluruhan undang-

⁸ Ahmad Mohamed Ibrahim (1997), “Perlaksanaan Undang-undang Hudud di Malaysia”, dalam *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: IKIM, h. 511-513, lihat juga Razali Hj. Nawawi dan Ahmad Ibrahim (1987), “Codification Of Shari’ah Law: A Historical Account”, *Syariah Law Journal IIUM*, Vol. 4, January 1987, h. 28.

⁹ Tanzil al-Rahmān (1978), *Islamization Of Pakistan Laws*. Karachi: Hamdard Academy, h. 14.

¹⁰ Ordinance XXXIX Of 1993.

undang yang sedia ada¹¹. Sebagaimana yang ditekankan oleh al-Mawdūdī dalam bukunya **The Islamic Law and Constitution**, beliau telah mengariskan beberapa perancangan jangka panjang yang perlu diusahakan secara berterusan untuk melaksanakan undang-undang Islam di Pakistan yang boleh dicontohi oleh negara ini. Antaranya pembentukan akademi undang-undang yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, kodifikasi undang-undang Islam bersumberkan hukum syarak , reformasi dalam sistem pendidikan dan sistem kehakiman negara¹² . Maka hasilnya, berdasarkan pengalaman Pakistan melaksanakan undang-undang jenayah Islam, ternyata ia telah banyak mewujudkan kestabilan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama¹³.

Sesungguhnya, segala kombinasi perancangan ini sama ada diusahakan dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang, jika dilaksanakan secara teliti, terancang dan berterusan, maka tidak mustahil negara kita dapat melaksanakan undang-undang jenayah Islam seperti Pakistan dan beberapa negara lain. Sekaligus memartabatkan semula undang-undang jenayah Islam ke tempat yang sewajarnya.

¹¹ Razali Hj. Nawawi dan Ahmad Ibrahim (1987), *op.cit.*, h. 35 - 40

¹² Sayyid Abū al-'A'lā al-Mawdūdī (1969), *The Islamic Law and Constitutions*. Lahore: Islamic Publications Ltd, h. 105-114.

¹³ Mr. Justice Chaudary Ejaz Yousaf (2003), "Promulgation Of An Appropriate Islamic Criminal Justice System In A Multi Religious Islamic Country: Problems And Challenges Of The Republic Of Pakistan" (Kertas kerja Seminar Antarabangsa Islamic Criminal Justice System , Johor Bharu, 25-27 Ogos 2003), h. 14.